Jenis akaun

Pilih profil pendaftaran yang betul sebelum mengisi borang.

Tujuan

Halaman **profil** (`/profile`) menyenaraikan jenis akaun. Pilih yang menepati peranan sebenar anda. Jenis akaun menentukan borang, pengesahan, harga dan sama ada Kebenaran Merancang dibuka.

Pilihan

Profil	Halaman daftar	Pengesahan pentadbir	KM
Awam	`/daftar_awam`	Tidak	Tidak
Pelajar	`/daftar_pelajar`	Ya. Harga khas dimohon selepas itu	Tidak
Agensi	`/daftar_jabatan`	Ya, dan emel kerajaan wajib	Ya selepas lulus
Perunding	`/daftar_perunding`	Ya (perakuan)	Ya selepas lulus
GLC	`/daftar_glc`	Tidak	Ya
Dalaman	`/daftar_dalaman`	Tidak	Ya

Rekod lama **PBT** dipaparkan sebagai **Agensi Kerajaan**. Akaun PBT sedia ada kekal sah.

Langkah

1. Buka `/profile` atau pautan daftar pada log masuk.
2. Pilih kad profil.
3. Lengkapkan borang khusus.

Peraturan

- Jangan daftar sebagai pelajar jika anda bukan pelajar: katalog dan harga pelajar dikunci kepada aliran permohonan.
- Agensi mesti menggunakan emel rasmi kerajaan (`.gov` atau `.gov.my`).
- Satu emel hanya untuk satu akaun.